

**Jenis Akhbar** : Bernama Online  
**Tarikh** : 07/12/2018  
**Edisi / Muka surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)  
**Tajuk** : **Wanita, belia isi kepimpinan tertinggi angkasa mulai tahun depan**

## **Wanita, belia isi kepimpinan tertinggi angkasa mulai tahun depan**

*Tarikh kemaskini: 07/12/2018*

IPOH, 7 Dis (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan memperuntukkan kuota kepada golongan wanita dan belia bagi mengisi struktur barisan anggota jawatankuasa tertinggi koperasi berkenaan bermula tahun depan.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata pihaknya kini sedang menunggu kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk melaksanakannya selepas undang-undang kecil dan perintah tetap Angkasa berhubung peruntukan kuota itu diluluskan pada Mei lalu.

"Ini kerana mengikut undang-undang koperasi di negara ini, apabila sesuatu peruntukan undang-undang diluluskan di peringkat koperasi, kita perlu menunggu kelulusan daripada pendaftar SKM pula supaya pelaksanaan undang-undang itu boleh dilaksanakan.

"Jadi golongan wanita dan belia tidak perlu bersaing untuk merebut jawatan dalam kepimpinan tertinggi Angkasa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Wanita Desa Antarabangsa 2018 di sini hari ini.

Terdahulu, Abdul Fattah dalam ucapannya berkata Angkasa secara dasarnya telah membuka banyak peluang kepimpinan kepada wanita dan mengharapkan golongan itu mampu berdaya saing dalam pembangunan koperasi.

Beliau berkata mengikut statistik sehingga Jun tahun ini, SKM merekodkan 2.5 juta daripada 6.1 juta anggota koperasi adalah wanita manakala 229 koperasi daripada 14,094 koperasi di negara ini, adalah 100 peratus golongan wanita.

"Ini tidak termasuk koperasi yang mana keanggotaannya adalah majoriti wanita. Jadi tidak keterlaluan jika saya katakan koperator wanita antara penyumbang utama kepada ekonomi koperasi serta menjadi tulang belakang gerakan koperasi di negara ini," katanya.

-- BERNAMA